



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAYA PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR CINA DI SEBUAH UNIVERSITI SWASTA DI MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JAYA MATHY A/P A. SUBRAMANIAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAYA PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR CINA DI SEBUAH UNIVERSITI SWASTA DI MALAYSIA

JAYA MATHY A/P A. SUBRAMANIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kartas Projek
 Sajion Penyelidikan
 Samawi Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Logarit Jabatan

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

JUN

Perakuan ini telah dibuat pada 7 hari bulan (bulan) 20.22.

i. Perakuan pelajar:

Saya, JAYA MATHY A/P A. SUBRAMANIAM, P20182002140, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILAHKAN NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN JAKIMLI) dengan ini menasaku bahawa
 disertasi/tesis yang berjudul GAYA PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR CINA DI SEBUAH UNIVERSITI SWASTA DI MALAYSIA

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang turut mengandungi hak cipta telah dilakukan secara wajar dan bagi maklud yang dibenarkan dan apa-apa potikan, ekstrak, ringkas atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secakapnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. ZULKIFLI BIN OSMAN (NAMA PENYELIA) dengan ini
 mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertitik GAYA PEMBELAJARAN BAHASA
 MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR CINA DI SEBUAH UNIVERSITI SWASTA DI MALAYSIA

(TAJUK) diterbitkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi merentali sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SLA NYATAKAN NAMA
 IJAZAH).

26/4/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia
 PROF MADYA DR. ZULKIFLI BIN OSMAN
 Penyelia
 Jabatan Bahasa & Komunikasi Melayu
 Pejabat Bahasa & Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris



UPSI/PG/360/3/
Pnd./81/nc/1/1**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tauk / Title:

GAYA PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR

GINA DI SEBUAH UNIVERSITI SWASTA DI MALAYSIA

No. Matrik / Matric's No.:

P20182002140

Saya / I :

JAYA MATHY A/P A. SUBRAMANIAM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku memberarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledges that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilih kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang somongan kesahaman atau
 kepentingan Malaysia sebenar yang termasuk dalam Akta Rajaia
 Raam 1972. / Contains Confidential information under the Official
 Secrets Act 1972.

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat tertutup yang belum dilakukan oleh
 organisasi dan di mana menyatakan ini (juga ketahui) / Contains
 restricted information as specified by the organization where research
 was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS***JMY*

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

26/4/2022

Tarikh:

(Tandatangan Penyayang / Signature of Supervisor)

& (Nama & Nombor Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF MADYA DR. ZULKIFLI HJ. OSMAN

Penyayang

Jabatan Senasa & Kelembaban Melayu

Fakulti Bahasa & Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT & TERHAD, sila lampirkan surat daripada ahli bahagian teknikal organisasi dengan menyatakan setiap satu temuan kerja ni boleh dikenakan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization authority
 And reason for confidentiality or restriction.*





PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada **Sadguru Shirdi Sai Baba** kerana atas izin-Nya, saya berjaya menyempurnakan tesis doktor falsafah ini dengan jayanya walaupun menempuh pelbagai dugaan dan rintangan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya. Dr. Zulkifli bin Osman selaku penyelia utama di atas kesabaran, nasihat, sokongan, dan bimbingan beliau telah banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, kebijaksanaan, dan semangat beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Saya juga ingin merakamkan penghargaan khas kepada Prof. Madya. Dr. Dahlia binti Janan yang telah memberikan nasihat dan panduan yang berguna dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pengurusan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC) cawangan Perak dan Kuala Lumpur yang turut memberikan kebenaran untuk melaksanakan kajian ini terhadap pelajar-pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A di kedua-dua cawangan ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada insan tersayang yang sentiasa berada di sisi selama saya menyiapkan penyelidikan ini. Tanpa beliau tiada penyelidikan ini. Segala pengalaman pahit dan manis yang dilalui sepanjang tiga tahun ini pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada ibu yang saya hormati yang sentiasa memberikan kasih sayang dan doa beliau. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Cina yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A berdasarkan gaya pembelajaran diperluas. Reka bentuk penyelidikan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dipilih untuk menjawab enam persoalan kajian dan empat hipotesis kajian. Instrumen soal selidik yang mengandungi 56 item yang mewakili lapan konstruk gaya pembelajaran pelajar digunakan bagi mendapatkan data. Seramai 242 pelajar-pelajar di sebuah universiti swasta di Malaysia dilibatkan sebagai sampel kajian. Protokol temu bual yang melibatkan sebelas orang pelajar digunakan bagi mengukuhkan data kajian berdasarkan jantina. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan nilai min, julat, sisihan piaawai, ujian-t, *ANOVA satu hala*, dan regresi berganda dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences (SPSS) for Windows* versi 25. Dapatan kajian menunjukkan bahawa gaya pembelajaran bekerjasama adalah gaya pembelajaran yang paling dominan. Dapatan kajian berdasarkan jantina pula mendapati bahawa pelajar lelaki dominan kepada gaya pembelajaran bekerjasama manakala pelajar perempuan pula dominan kepada gaya pembelajaran penyertaan. Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran diperluas secara keseluruhan berdasarkan jantina. Selain daripada itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran diperluas dengan program pengajian dan juga GPA. Dapatan kajian bagi analisis regresi berganda mendapati bahawa gaya pembelajaran pelajar bagi elemen pengalaman adalah yang paling mempengaruhi GPA pelajar dan diikuti oleh elemen penyertaan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai pelbagai gaya pembelajaran yang berlainan dan turut mendapati bahawa gaya pembelajaran pelajar tidak boleh diukur berdasarkan kepada satu bentuk pengajaran sahaja. Kajian juga menunjukkan bahawa faktor jantina turut mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar. Kajian turut menunjukkan bahawa elemen gaya pembelajaran pengalaman dan penyertaan adalah yang paling mempengaruhi GPA pelajar.





MALAY LANGUAGE LEARNING STYLE AMONG CHINESE STUDENTS IN A PRIVATE UNIVERSITY IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study aimed to examine the learning styles practiced by Chinese students taking the Bahasa Kebangsaan A course based on extended learning styles. A quantitative research design using the survey method was selected to answer six research questions and four research hypotheses. A questionnaire instrument containing 56 items representing eight constructs of student learning styles was used to obtain data. A total of 242 students at a private university in Malaysia were involved in the study sample. An interview protocol involving eleven students was used to strengthen the study data based on gender. Data were analysed descriptively and inferentially using mean values, range, standard deviation, t-test, one-way ANOVA, and multiple regression using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) for Windows version 25. The findings of the study indicate that the collaborative learning style is the most dominant learning style. The findings of the study based on gender found that male students were dominant in the collaborative learning style while female students were dominant in the participatory learning style. The findings of the study also found that there were significant mean differences between overall expanded learning styles based on gender. In addition, the findings of the study indicate that there is no significant mean difference between the expanded learning style with the program of study and GPA. The findings of the study for multiple regression analysis found that students' learning style for the experiential element was the most influential on students' GPA and was followed by the participatory element. The implications of the study show that students have a variety of different learning styles and also found that students' learning styles cannot be measured based on one form of teaching alone. Studies also show that gender factors also influence students' learning styles. Studies also show that the experiential and participatory learning style elements are the most influential in students' GPA.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
------------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xvii
----------------------	------



SENARAI LAMPIRAN	xix
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	5
---------------------------	---

1.3 Penyataan Masalah	9
-----------------------	---

1.4 Objektif Kajian	27
---------------------	----

1.4.1 Soalan Temu bual untuk Objektif Kajian 2	27
--	----

1.5 Persoalan kajian	29
----------------------	----

1.6 Hipotesis Kajian	29
----------------------	----

1.7 Kerangka Teori	30
--------------------	----





1.8	Kerangka Konseptual	33
1.9	Definisi Operasional	35
1.9.1	Dominan	35
1.9.2	Pencapaian Akademik	35
1.9.3	Gaya Pembelajaran	36
1.9.4	Kecenderungan	36
1.9.5	Pelajar	37
1.9.6	Gaya Pembelajaran Dominan	37
1.9.7	Bahasa	37
1.9.8	Bahasa Kedua	38

1.10	Batasan Kajian	38
1.11	Kepentingan Kajian	39

1.11.1	Pelajar	40
1.11.2	Pensyarah	40
1.11.3	Organisasi	41
1.12	Rumusan	41

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	43
2.2	Gaya Pembelajaran	43
2.2.1	Teori dan Model Gaya Pembelajaran	45
2.2.2	Perbandingan Teori dan Model Gaya Pembelajaran	58





2.2.3	Pembentukan Model Gaya Pembelajaran yang Diperluaskan	62
2.2.4	Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	67
2.2.5	Gaya Pembelajaran dalam Pembelajaran Bahasa	73
2.2.6	Kajian-Kajian Lepas tentang Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmannn dan Pencapaian Akademik	75
2.2.7	Kajian-Kajian Lepas tentang Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Jantina	82
2.2.8	Kajian-Kajian Lepas tentang Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmannn dan Hubungannya dengan Jantina	84
2.2.9	Kajian-Kajian Lepas tentang Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan Program Pengajian	89
2.2.10	Kajian-Kajian Lepas tentang Gaya Pembelajaran dan Hubungannya dengan GPA	91



2.3	Konsep Bahasa Kedua	95
2.3.1	Teori Pemerolehan Bahasa kedua Krashen (1985)	96
2.3.2	Teori Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis (1994)	98
2.3.3	Teori Pemerolehan Bahasa Kedua Brown (2001)	99
2.3.4	Teori Pemerolehan Bahasa Kedua Richards (1974)	102
2.3.5	Prinsip-Prinsip Pembelajaran Bahasa Kedua dan Persamaan dengan Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmannn	104
2.4	Rumusan	107

BAB 3**METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	109
-----	-------------	-----





3.2	Reka Bentuk kajian	109
3.3	Populasi dan sampel	112
3.4	Latar Belakang Responden	122
3.5	Instrumen	126
3.6	Kajian Rintis	135
3.6.1	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan	141
3.6.2	Kebolehpercayaan Data Sebenar dan Kenormalan Data	147
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	152
3.8	Kaedah Analisis Data	157
3.9	Rumusan	163

**BAB 4**

DAPATAN KAJIAN	167	
4.1	Pendahuluan	167
4.2	Dapatan Kajian	169
4.2.1	Tahap Gaya Pembelajaran Pelajar berdasarkan Lapan Elemen Gaya Pembelajaran Pelajar yang Diperluas	169
4.2.2	Gaya Pembelajaran yang Paling Dominan dalam Kalangan Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan Berdasarkan Gaya Pembelajaran Pelajar Diperluas	175
4.2.3	Perbezaan Min antara Gaya Pembelajaran Pelajar Diperluas secara Keseluruhan Berdasarkan Jantina	187
4.2.4	Perbezaan Min antara Gaya Pembelajaran Pelajar Diperluas secara Keseluruhan Berdasarkan Program Pengajian	190





4.2.5	Perbezaan Min antara Gaya Pembelajaran Pelajar Diperluas Secara Keseluruhan Berdasarkan GPA	192
4.2.6	Analisis Regresi Berganda untuk Elemen Gaya Pembelajaran Pelajar yang Paling Mempengaruhi GPA Pelajar	194
4.3	Rumusan	199

BAB 5**PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pendahuluan	202
5.2	Ringkasan Kajian	203
5.3	Perbincangan	204
5.4	Kesimpulan Kajian	221
5.5	Implikasi Kajian	223
5.5.1	Implikasi Kajian terhadap Amalan Pembelajaran	224
5.5.2	Implikasi Kajian terhadap Gaya Pembelajaran Pelajar	224
5.5.3	Implikasi Kajian terhadap Amalan Pengajaran	225
5.5.4	Implikasi Kajian terhadap Penyelidikan tentang Gaya Pembelajaran	227
5.5.5	Implikasi Kajian terhadap Tinjauan Literatur	228
5.5.6	Implikasi Kajian terhadap Teori	229
5.5.7	Implikasi Kajian terhadap Organisasi	230
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	232
5.7	Penutup	235
	RUJUKAN	238





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xii

LAMPIRAN

258



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Elemen-elemen gaya pembelajaran diperluas yang dibangunkan berdasarkan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn (1996), Kolb (1984), dan Honey dan Mumford, (1986)	24
2.1 Teori Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)	50
2.2 Teori pembelajaran Robert Gagne (1988)	52
2.3 Prinsip-prinsip pembelajaran bahasa kedua	106
3.1 Taburan Populasi Pelajar di Cawangan Kuala Lumpur dan Perak	113
3.2 Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	117
3.3 Pengiraan Populasi dan Jumlah Maklum Balas yang diperoleh Daripada Kampus Kuala Lumpur dan Perak	117
3.4 Pengiraan Populasi, Jumlah Sampel, Jumlah Maklum Balas Rosak, Jumlah Pelajar Tidak Menjawab Borang Soal Selidik Daripada Kampus Kuala Lumpur dan Perak	117
3.5 Taburan Jantina yang Dijadikan Sampel Kajian	119
3.6 Taburan Program/Kursus Pengajian yang Dijadikan Sampel Kajian	120
3.7 Pengiraan Jumlah Sampel Daripada Keseluruhan Populasi	121
3.8 Taburan Latar Belakang Responden untuk Pemboleh Ubah Jantina, Umur, Program Pengajian, Tahun Pengajian, GPA bagi instrumen soal selidik	121
3.9 Taburan Latar Belakang Responden Temu Bual	125





3.10	Bilangan Item bagi setiap Elemen Gaya Pembelajaran Pelajar Diperluas	127
3.11	Skala Likert	129
3.12	Contoh soalan soal selidik berpandukan inventori Gaya Pembelajaran Grasha (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), dan gaya pembelajaran Honey dan Mumford (1986) yang diperluas	129
3.13	Nombor responden dan pengkodan berdasarkan jantina yang mewakili responden kajian temu bual	132
3.14	Senarai soalan-soalan yang telah digunakan dalam protokol temu bual	132
3.15	Indeks nilai kebolehpercayaan nilai Cronbach Alfa	138
3.16	Nilai Cronbach Alfa berdasarkan konstruk A hingga F	139
3.17	Nilai Cronbach Alfa berdasarkan konstruk G hingga H	139
3.18	Senarai pakar dan ulasan untuk kesahan kandungan dan kesahan muka item soal selidik dan temu bual yang melibatkan lapan elemen gaya pembelajaran pelajar diperluas	144
3.19	Senarai pakar dan komen untuk kesahan kandungan melibatkan dua elemen gaya pembelajaran pelajar yang baharu iaitu pengalaman dan pemerhatian	146
3.20	Kebolehpercayaan Data Sebenar Bagi Keseluruhan Pemboleh Ubah Bebas	148
3.21	Ujian Normaliti	151
3.22	Prosedur Pengumpulan Data bagi Kajian Tinjauan dan Protokol Temu Bual	151
3.23	Nilai Min untuk Data Kajian	160
3.24	Interpretasi Nilai Sisihan Piawai	161





3.25	Rumusan kaedah dalam menjawab objektif, kajian, soalan kajian, dan hipotesis kajian	162
3.26	Rumusan kaedah dalam menjawab soalan kajian dan hipotesis kajian	164
4.1	Rumusan Kaedah Menjawab Soalan Kajian dan Hipotesis Kajian Serta Ujian yang digunakan untuk Menjawab Kesemua Soalan Kajian	167
4.2	Tahap Gaya Pembelajaran Pelajar Secara Keseluruhan	170
4.3	Tahap Gaya Pembelajaran Pelajar Berdasarkan Lapan Elemen Gaya Pembelajaran Pelajar Yang Diperluas	169
4.4	Kedudukan Tahap Gaya Pembelajaran Pelajar yang Diperluas secara Keseluruhan	172
4.5	Gaya Pembelajaran yang paling Dominan dalam Kalangan Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan Berdasarkan Gaya Pembelajaran Pelajar Diperluas	175
4.6	Keputusan Ujian-t Gaya Pembelajaran Pelajar diperluas Berdasarkan Jantina	187
4.7	Keputusan Ujian Levene Gaya Pembelajaran Pelajar diperluas Berdasarkan Jantina	188
4.8	Statistik deskriptif ujian ANOVA untuk Melihat Perbezaan Min antara Gaya Pembelajaran Pelajar Berdasarkan Program Pengajian	189
4.9	Keputusan Ujian ANOVA untuk melihat Perbezaan min Gaya Pembelajaran Pelajar Berdasarkan Program Pengajian	190
4.10	Statistik deskriptif untuk Melihat Perbezaan Min antara Gaya Pembelajaran Pelajar dengan GPA	192
4.11	Keputusan Ujian ANOVA untuk melihat Perbezaan min Gaya Pembelajaran Pelajar Berdasarkan GPA	192





4.12 Keputusan Analisis Regresi Berganda untuk Elemen Gaya Pembelajaran Pelajar yang Paling Mempengaruhi GPA Pelajar 195

4.13 Ringkasan Dapatan Hipotesis Nul 198





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Lapan Gaya Pembelajaran yang Diperluas	24
1.2 Kerangka teori model gaya pembelajaran diperluas yang dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), gaya pembelajaran Honey dan Mumford, (1986), gaya pembelajaran Dunn dan Dunn, (1980) dan gaya pembelajaran Canfield, (1977).	30
1.3 Kerangka konseptual kajian gaya pembelajaran pelajar yang dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986), yang membentuk gaya pembelajaran diperluas.	33
2.1 Model pembelajaran dua-dimensi Kolb dan empat gaya pembelajaran Sumber: Kolb (1984)	56
2.2 Elemen-elemen gaya pembelajaran dalam model-model gaya pembelajaran	62
2.3 Model gaya pembelajaran diperluas yang dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), dan gaya pembelajaran Honey dan Mumford	66
3.1 Reka bentuk instrumen kajian	111
3.2 Langkah-langkah pengiraan untuk menentukan bilangan sampel kajian berpandukan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)	115





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MPU	Mata Pelajaran Pengajian Umum
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
MPW	Mata Pelajaran Wajib
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPB	Strategi Pembelajaran Bahasa
GPA	Purata Nilai Gred (<i>Grade Point Average</i>)
CGPA	Purata Nilai Gred Kumulatif (<i>Cumulative Grade Point Average</i>)
PJJ	Pendidikan Jarak Jauh
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
GRSLSS	Skala gaya pembelajaran Grasha-Reichmann (<i>Grasha-Reichmann Student Learning Style Scales</i>)





SENARAI LAMPIRAN

- A Kajian Rintis
- B Borang Soal Selidik yang digunakan untuk Mengumpul Data daripada Responden
- C Surat Kebenaran untuk Melaksanakan Ujian Kebolehpercayaan daripada TAR UC
- D (i) Kesahan Kandungan oleh Pakar
- D (ii) kesahan Kandungan dan Kesahan Muka Borang Soal Selidik
- E Analisis objektif kajian 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* for Windows versi 25.
- F Borang Persetujuan Responden untuk Mengumpulkan Data
- G Surat Kebenaran Dari Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC)
- H Transkrip Temu Bual Responden Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
- I Maklumat Responden untuk Soalan Temu Bual
- J Transkripsi Temu Bual Responden Secara Keseluruhan





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Paradoks pendidikan hari ini sering menekankan pelbagai bentuk gaya pembelajaran yang menjadikan mod pembelajaran di bilik darjah bersifat interaktif serta mewujudkan ekosistem pembelajaran yang baik (Osman et al., 2019a). Selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menjadikan sistem pendidikan Malaysia berteraskan pendidikan dinamik, iaitu mewujudkan ekosistem pendidikan dengan tidak mengesampingkan persekitaran pembelajaran secara inklusif, telah menjadikan sistem pendidikan di Malaysia semakin rancak dalam usaha mewujudkan budaya pembelajaran yang fleksibel dan bersifat rantai. Hal ini termasuklah pelbagai medium gaya pembelajaran diamalkan bagi mewujudkan mod pembelajaran yang seimbang dari sudut fizikal, emosi dan sosial (Pashler et al., 2008; Peacock, 2001; Naimie et al., 2010; Michiko & Yoshitaka, 2019).





Kerangka PPPM 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggalakkan penerapan gaya pembelajaran di dalam sesi PdP supaya satu pendekatan pedagogi baharu melalui sistem pendidikan yang luwes untuk menyediakan pelajar dengan pendidikan yang bersesuaian dengan bakat dan minat agar mereka dapat menikmati persekitaran pendidikan yang berkesan. Kerangka PPPM 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga mendaraskan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran, guru dapat menggunakan pengalaman dan kemahiran masing-masing untuk menaplikasikan pelbagai kaedah dan aktiviti dalam membimbing pelajar bagi memastikan muridnya berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, berkeupayaan memimpin, menguasai dwibahasa, mempunyai etika dan kerohanian yang kukuh serta murid yang beridentiti nasional.



digunakan oleh seorang pendidik (Lap & Bubey-Jhaveri, 2015). Prinsip ini penting di perhalusi kerana gaya pembelajaran merupakan falsafah pengajaran dan membentuk personaliti dan budaya guru di dalam bilik darjah. Pembelajaran dianggap sebagai pemerolehan maklumat, ilmu pengetahuan, dan penguasaan terhadap sesuatu kemahiran, serta pembentukan sikap seseorang individu. Hal ini selaras dengan pandangan yang diberikan oleh Che Ghani et al. (2016), yang menyatakan bahawa kebolehan pelajar menggunakan kekuatan dan memperbaiki kelemahan setiap dimensi gaya pembelajaran adalah penentu kepada pencapaian akademik pelajar.

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajarannya yang tersendiri dalam proses

pembelajaran mengikut kebolehan masing-masing. Menurut Wan Lokman et al. (2021), gaya pembelajaran merupakan satu keperluan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran





yang melibatkan generasi baharu. Setiap individu mempunyai perbezaan dari segi pengetahuan, minat dan gaya pembelajaran (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Gaya pembelajaran adalah strategi yang digunakan oleh individu dalam menghadapi persekitaran dan bahan pelajaran. Gaya pembelajaran ditakrifkan sebagai gabungan antara sifat kognitif, emosi, dan fisiologi yang menunjukkan bagaimana pelajar memahami dan bertindak balas terhadap persekitaran pembelajaran (Mozaffari et al., 2020). Menurut Zamri et al. (2016), bagi membantu memantapkan lagi keberkesanan pembelajaran, adalah penting bagi seseorang pelajar untuk mengenal pasti gaya pembelajaran mereka.

Kamiliah Ayu dan Zamri (2015), menyatakan bahawa penggunaan gaya pembelajaran yang sesuai berupaya untuk meningkatkan keupayaan proses pembelajaran Bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar bukan Melayu. Aspek yang menyumbang terhadap kegagalan seseorang pelajar dalam mencapai keputusan akademik yang baik disebabkan oleh gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar itu sendiri, ini adalah kerana pencapaian akademik pelajar akan menjadi baik sekiranya sesuatu kaedah dan sumber disesuaikan dengan gaya pembelajaran pelajar (Dunn & Dunn, 1979). Gaya pengajaran menjadi salah satu faktor penentu utama kejayaan pembelajaran pelajar (Harnita, 2017).

Negara Malaysia sedang membangun ke arah negara maju seiring dengan pembinaan jati diri bangsa, membentuk individu yang berilmu dan berkemahiran serta berdaya saing. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia telah memperkenalkan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) yang berteraskan kepada falsafah ilmu yang melibatkan bidang-bidang keilmuan seperti kajian sains sosial, kemanusiaan dan sains tulen telah diperkenalkan selaras dengan





Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) merupakan mata pelajaran untuk kelayakan pra-universiti di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dan merupakan mata pelajaran yang dahulunya dikenali sebagai Mata Pelajaran Wajib (MPW). Kursus Bahasa Kebangsaan A merupakan salah satu kursus yang dikendalikan di bawah MPU, yang menawarkan kemahiran berbahasa dari aspek membaca, bertutur, menulis dan mendengar. Kursus Bahasa Melayu ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan berbahasa dalam situasi rasmi dan juga tidak rasmi.

Pengamalan gaya pembelajaran yang berbeza-beza dalam kalangan pelajar perlu dikaji bagi mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan kaedah pembelajaran pelajar. Sebilangan pelajar mempunyai corak pembelajaran yang dominan dalam diri masing-masing dan terdapat juga pelajar yang mengamalkan pelbagai jenis gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran mereka. Namun begitu, sebilangan daripada pelajar-pelajar ini menghadapi masalah dalam mengamalkan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri masing-masing dalam proses pembelajaran. Hal ini menyebabkan pelajar memperoleh keputusan yang tidak memberangsangkan dalam pencapaian akademik kerana pengamalan gaya pembelajaran yang tidak sesuai dalam proses pembelajaran mereka (Kamarul Azmi & Zaharuzzaman, 2018). Sekiranya seseorang pelajar dapat mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya, maka mereka dapat menyusun strategi yang sesuai dalam proses pembelajaran. Hal ini juga dapat membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang dalam subjek Bahasa Melayu. Kebolehan pelajar memperbaiki kelemahan gaya pembelajaran merupakan suatu penentuan kepada pencapaian akademik pelajar (Che Ghani et al., 2016).





Sehubungan dengan ini, satu kajian untuk mengenal pasti gaya pembelajaran perlu dilaksanakan agar pensyarah dapat memahami gaya pengajaran yang sesuai mengikut gaya pembelajaran pelajar. Kajian ini dilihat sebagai mampu mengubah sikap pelajar untuk belajar kursus Bahasa Melayu dengan lebih berkesan dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar berbangsa Cina yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A di sebuah universiti swasta di Malaysia. Kajian gaya pembelajaran ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Cina sahaja kerana majoriti pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A di kedua-dua cawangan yang dikaji merupakan pelajar-pelajar yang berbangsa Cina.



Di dalam kerangka PPPM 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggalakkan penerapan gaya pembelajaran di dalam sesi PdP supaya satu pendekatan pedagogi baharu melalui sistem pendidikan yang luwes untuk menyediakan pelajar dengan pendidikan yang bersesuaian dangan bakat dan minat agar mereka dapat menikmati persekitaran pendidikan yang berkesan. Dalam merealisasikan usaha ini, warga pendidik bertanggungjawab untuk meningkatkan minat dan motivasi pelajar dengan menerapkan pelbagai teknik gaya pembelajaran dalam proses pengajaran. Menurut Esmaeli dan Mohamadrezai (2015), seorang pendidik memainkan peranan yang penting untuk menentukan suasana belajar dan memberi motivasi kepada pelajar untuk belajar.



Seorang pendidik perlu mengubah amalan pengajaran daripada kaedah objektivisme kepada pembelajaran berpusatkan murid dengan mengaplikasikan teknik gaya pembelajaran yang sesuai dengan pelajar-pelajarnya terutamanya dalam pembelajaran yang melibatkan Bahasa Melayu. Menurut Roshidah (2017), seseorang pendidik boleh menjadikan gaya pembelajaran pelajar sebagai satu panduan dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai supaya pembelajaran bahasa tersebut menjadi lebih berkesan. Justeru itu, pendekatan pengajaran yang menekankan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar perlu diberi perhatian. Pada zaman pendidikan yang kontemporari, guru seharusnya cakna terhadap keperluan gaya pembelajaran murid dalam apa jua mata pelajaran kerana ia mempengaruhi kejayaan PdP (Jayanthi & Munir, 2016).

Secara umum, gaya pembelajaran di antara setiap pelajar adalah tidak sama dan berbeza-beza mengikut kebolehan diri masing-masing. Terdapat pelajar yang gemar belajar secara bersendirian, ada pelajar yang gemar belajar secara berkumpulan dan ada yang gemar melibatkan diri secara aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Menurut Norazlin dan Siti Rahaimah (2019), setiap individu mempunyai perbezaan dari segi pengetahuan, minat dan gaya pembelajaran. Kebanyakan pelajar tidak menyedari gaya pembelajaran yang sesuai untuk diaplikasikan dalam pembelajaran mereka. Salah satu cabaran yang paling ketara dalam pembelajaran adalah pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri (Nzesei, 2015). Gaya pembelajaran yang sesuai dan betul boleh membantu seseorang pelajar untuk menyusun strategi atau kaedah yang berkesan dalam proses pembelajaran mereka. Menurut Roshidah (2017), dengan memahami gaya pembelajaran seseorang pelajar dapat membantu guru dalam pengajarannya.



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengumumkan sistem modular baharu MPU bermula pada 1 September 2013 ke atas pelajar pengambilan kohort baharu di semua IPT, manakala penawaran MPU menggunakan garis panduan MPU edisi kedua berkuat kuasa pada September 2017. MPU merupakan mata pelajaran umum yang ditetapkan dan dikendalikan oleh Majlis Pemeriksaan Malaysia, dan diperiksa oleh badan peperiksaan Malaysia, yang kedua-duanya berada di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. MPU bukan hanya mata pelajaran yang wajib diambil oleh universiti awam malah merupakan mata pelajaran yang diwajibkan untuk universiti swasta juga.

Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) memperuntukkan bawah setiap institusi pengajian tinggi swasta hendaklah mengajar MPU sebagai mata pelajaran wajib. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menghendaki semua pelajar pendidikan tinggi di Malaysia mesti menyelesaikan MPU sebagai syarat untuk penganugerahan ijazah. Salah satu kursus yang diwajibkan di bawah MPU ini ialah kursus Bahasa Kebangsaan A. Kursus Bahasa Kebangsaan A ini memberi pendedahan dan kemahiran yang meliputi aspek-aspek dasar bahasa, fungsi bahasa, kedudukan dan taraf bahasa Melayu, sistem ejaan, sebutan dan tatabahasa. Sumber yang digunakan untuk modul ini adalah daripada sumber yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Topik-topik yang terdapat dalam modul ini adalah berpandukan silibus dari Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Kursus Bahasa Kebangsaan A hanya ditawarkan kepada pelajar warganegara Malaysia yang tidak mempunyai kredit Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Ma-





laysia (SPM) dan diambil sekali sahaja bagi mana-mana tahap pengajian. Pelajar-pelajar ini diwajibkan untuk mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A dan diwajibkan lulus kursus ini sebagai syarat untuk menamatkan pengajian. Jumlah jam kredit yang diperlukan untuk kursus Bahasa Kebangsaan A ini ialah dua (2) jam kredit. Oleh itu, sampel yang digunakan untuk kajian ini merupakan pelajar-pelajar berbangsa Cina yang merupakan pelajar-pelajar warganegara Malaysia dan sudah mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Melayu tetapi tidak mempunyai kredit Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Melalui analisis yang dilakukan, didapati juga bahawa terdapat banyak universiti swasta di Malaysia juga turut menawarkan kursus Bahasa Kebangsaan A di institusi-institusi pengajian mereka. Ini selaras dengan keperluan yang dinyatakan oleh Ke-

menterian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi melaksanakan Mata Pelajaran Pengajian

Umum (MPU) di universiti swasta dan universiti awam sebagai mata pelajaran untuk kelayakan pra-universiti di institusi pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia. Antara universiti swasta yang menawarkan kursus Bahasa Kebangsaan A ialah Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) untuk pelajar-pelajar diploma dengan kurikulum yang sama seperti yang digariskan oleh Kementerian dengan 2-3 jam kredit. Universiti Monash juga turut menawarkan kursus yang sama kepada pelajar-pelajarnya dengan menggunakan kurikulum yang sama. Selain itu, Universiti Wawasan (*Wawasan Open University*) juga turut menawarkan kursus ini kepada pelajar-pelajarnya dengan kurikulum yang sama.

Apabila dilihat penawaran kursus Bahasa Kebangsaan A di IPTA pula, turut didapati universiti awam seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) turut menawarkan kursus ini dengan kurikulum yang sama. Penawaran kursus Bahasa kebangsaan





A tidak mempunyai sebarang perbezaan antara kedua-dua universiti swasta dan universiti awam di Malaysia kerana kedua-dua institusi ini menawarkan kursus ini untuk pelajar-pelajarnya dengan menggunakan kurikulum yang sama seperti yang digariskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dengan jumlah jam kredit dua (2) hingga tiga (3) jam.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A. Gaya pembelajaran merupakan satu elemen yang penting kepada setiap pelajar kerana mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pencapaian akademik seseorang pelajar. Pelajar perlu diberi galakan dan motivasi untuk mengamalkan gaya pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan diri dalam usaha meraih kecemerlangan dalam semua peringkat pengajian (Normurni et al., 2015).



1.3 Penyataan Masalah

Gaya pembelajaran merupakan satu aspek penting yang dapat menentukan kejayaan pembelajaran pelajar (Noor Zuhidayah et al., 2019). Sebilangan pelajar mempunyai satu bentuk pembelajaran yang dominan dalam diri masing-masing dan ada juga pelajar yang menggunakan pelbagai jenis gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran. Setiap individu mempunyai perbezaan dari segi pengetahuan, minat dan gaya pembelajaran (Norazlin & Siti Rahaimah, 2019). Justeru, pelajar-pelajar menghadapi kesukaran atau masalah dalam mengamalkan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan proses pembelajaran mereka. Hal ini selaras dengan pendapat yang diberikan oleh Baharin (2000) dan Abdul Ghani (1996), yang menyatakan bahawa punca yang menyebabkan





kemerosotan dalam pencapaian akademik seseorang pelajar ialah kegagalan dalam menyuaikan diri masing-masing dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di universiti, malah tidak mempunyai satu bentuk gaya pembelajaran yang betul. Oleh yang demikian, penerapan gaya pembelajaran yang sesuai dalam kalangan pelajar boleh menyumbang kepada sesuatu pembelajaran yang berkesan dan mampu memberi kesan postif terhadap pencapaian akademik pelajar.

Menurut Wan Lokman et al. (2021), gaya pembelajaran adalah satu keperluan dalam pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan generasi baharu. Tumpuan perlu diberikan kepada gaya pembelajaran yang sesuai dalam kalangan pelajar. Dalam hal ini, permasalahan utama yang dilihat oleh pengkaji ialah pelajar-pelajar Cina yang mengikuti kursus Bahasa kebangsaan A tidak mempunyai satu gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka. Pelajar-pelajar ini juga kurang berminat dengan subjek Bahasa Melayu dan hanya belajar untuk mendapat markah yang baik dan sekadar untuk lulus ujian sahaja. Masalah seperti ini berlaku apabila gaya pembelajaran pelajar tidak dapat disesuaikan dengan kaedah dan gaya pengajaran oleh pensyarah yang seterusnya mengakibatkan pelajar menjadi bosan, tidak menumpukan perhatian serta menyebabkan mereka gagal mendapat markah yang tinggi dalam peperiksaan (Baharin, 2000; Felder & Silverman, 1988; Godleski, 1984; Oxford et al., 1991; Smith & Renzulli, 1984).

Pengamalan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri seseorang pelajar merupakan satu penentuan ke arah kecekapan dan kebolehan dalam mengasimilasikan ilmu yang dipelajari dengan lebih berkesan terutamanya dalam pembelajaran yang melibatkan bahasa kedua. Gaya pembelajaran adalah satu teknik dalam pembelajaran bahasa bagi menyelesaikan masalah, menyelesaikan sesuatu tugas atau membuat





persediaan menghadapi peperiksaan (Wang, 2015). Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini penyelidik ingin mengkaji dan mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Cina dalam subjek Bahasa Kebangsaan A.

Apabila pelajar-pelajar penutur bukan natif diterapkan dengan gaya pembelajaran, ini dapat mewujudkan pelbagai kebaikan kerana kepelbagaian dalam gaya pembelajaran dapat memudahkan pelajar dalam menguasai sesuatu teknik dalam kemahiran bahasa, selain dapat menimbulkan rasa seronok dalam pembelajaran bahasa (Rozana, 2020). Sehubungan dengan itu, suasana pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan kondusif serta menyeronokkan amat diperlukan oleh pelajar-pelajar bukan Melayu. Ini adalah kerana pelajar-pelajar Cina bukan penutur natif bahasa Melayu dan keadaan ini menyebabkan mereka kurang bersemangat dalam mempelajari subjek bahasa Melayu.

Pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan pembelajaran mereka, dapat membantu dalam memperoleh keputusan yang lebih cemerlang (Norlia et al., 2006; Baharin et al., 2007; Mohd. Nor & Hazwani, 2007).

Bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik, seseorang pelajar perlu didedahkan dengan gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka. Pelajar yang bijak menggunakan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri sendiri, akan dapat membantu mereka dalam mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Gaya pengajaran menjadi salah satu faktor utama kepada penentu kejayaan pembelajaran pelajar (Harnita, 2017). Namun begitu, sebahagian daripada pelajar-pelajar ini menghadapi masalah dalam mengamalkan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan proses pembelajaran. Hal ini menyebabkan pelajar memperoleh keputusan yang tidak



memberangsangkan dalam pencapaian akademik disebabkan pengamalan gaya pembelajaran yang tidak berkesan dalam proses pembelajaran mereka (Kamarul Azmi & Zaharuzzaman, 2018). Sehubungan dengan itu, tumpuan harus diberikan terhadap gaya pembelajaran pelajar khususnya yang melibatkan pembelajaran bahasa kedua. Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab seorang guru untuk memberi motivasi dan meningkatkan minat pelajar dalam proses pembelajaran melalui penerapan kepelbagaian teknik dalam pengajaran. Guru sebagai tenaga pengajar mesti melaksanakan aktiviti pengajaran yang berkualiti bagi menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif bagi mewujudkan seorang pelajar yang berkualiti (Ruslan et al., 2021).

Penerapan gaya pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan diri seseorang

pelajar amat diperlukan dalam proses pembelajaran terutamanya yang melibatkan pembelajaran bahasa bagi meningkatkan penguasaan gaya pembelajaran seseorang pelajar. Menurut Taljaard (2016), penerapan gaya pembelajaran dalam sesebuah pengajaran dapat memberikan banyak manfaat dalam pembelajaran, iaitu mewujudkan sesi pembelajaran yang menyeronokkan. Ini adalah kerana, pelajar merupakan individu yang berbeza dan juga unik dengan yang lain walaupun berada dalam tahap pembelajaran yang sama.

Sekiranya seseorang pelajar dapat mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya, maka secara tidak langsung mereka dapat menyusun strategi yang berkesan dalam proses pembelajaran. Perkara ini juga dapat membantu mereka dalam mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Hal ini diperkuuhkan lagi dengan pan-



dangan yang diberikan oleh Che Ghani et al. (2016), yang menyatakan bahawa kebolehan seseorang pelajar dalam memperbetulkan sesuatu kelemahan dan menggunakan kekuatan mereka dalam setiap dimensi gaya pembelajaran adalah penentu kepada pencapaian akademik pelajar. Sehubungan dengan ini, penggunaan gaya pembelajaran yang sesuai dalam proses pembelajaran bahasa Melayu mampu meningkatkan pencapaian akademik bagi pelajar-pelajar bukan Melayu. Ini bertepatan dengan pandangan yang diberikan oleh Kamiliah Ayu dan Zamri (2015), yang menyatakan bahawa penggunaan gaya pembelajaran yang sesuai berupaya untuk meningkatkan keupayaan proses pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar bukan Melayu.

Gaya pembelajaran boleh membantu seseorang pelajar dalam menguasai sesuatu bahasa bagi mencapai objektif pembelajaran mereka. Ini selaras dengan pandangan yang diberikan oleh Zamri et al. (2016), yang berpendapat bahawa bagi membantu memantapkan lagi keberkesanan pembelajaran, adalah penting bagi seseorang pelajar untuk mengenal pasti gaya pembelajaran mereka. Sehubungan dengan itu, satu kajian tentang gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar-pelajar Cina yang melibatkan bahasa kedua wajar dilaksanakan supaya pensyarah dapat memahami gaya pengajaran yang sesuai mengikut gaya pembelajaran pelajar.

Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar-pelajar Cina yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman yang melibatkan dua buah cawangan. Pengkaji menggunakan model gaya pembelajaran pelajar yang dibangunkan berdasarkan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), yang diperluas. Selain memfokuskan kepada gaya





pembelajaran pelajar, penyelidik juga ingin mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar dari segi jantina, program pengajian dan pencapaian GPA pelajar.

Salah satu jurang yang dikenal pasti dalam kajian-kajian lepas oleh penyelidik ialah, didapati bahawa kajian yang dilakukan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dengan menggunakan inventori Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann kurang dilaksanakan terhadap pelajar peringkat tinggi seperti kolej dan universiti. Hasil daripada penelitian yang dibuat terhadap kajian-kajian lepas, kebanyakan kajian yang mengkaji tentang gaya pembelajaran banyak melibatkan murid-murid sekolah menengah. Ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Rozana (2020), yang dilaksanakan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina dan India dengan menggunakan pelajar sekolah menengah di Selangor. Kajian lain yang melibatkan sekolah menengah ialah kajian oleh Norhayati dan Mohd Mahzan (2017), yang mengkaji tentang gaya pembelajaran dengan menggunakan pelajar-pelajar dari sekolah menengah di Kedah. Ini diikuti dengan kajian oleh Kamiliah Ayu dan Zamri (2015), yang turut mengkaji tentang strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid Cina dengan menggunakan pelajar tingkatan 4 di daerah Muar, Johor. Kebanyakan kajian-kajian lepas didapati banyak menggunakan pelajar-pelajar sekolah menengah sebagai sampel kajian untuk mengkaji tentang gaya pembelajaran pelajar. Sehubungan dengan ini, pengkaji ingin mengkaji gaya pembelajaran pelajar dengan melibatkan pelajar daripada peringkat tinggi iaitu universiti swasta dengan menggunakan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmann diperluas.





Tinjauan daripada kajian lepas mendapati bahawa kajian yang dilakukan dengan menggunakan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn terhadap subjek Bahasa Melayu sangat kurang. Walaupun terdapat kajian-kajian lepas yang menggunakan gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn, tetapi kajian-kajian ini lebih banyak bertumpu kepada bidang-bidang terkenal seperti bidang sains dan teknologi, matematik, sejarah dan Bahasa Inggeris. Kajian yang dilaksanakan untuk subjek Bahasa Melayu agak terhad bilangannya. Ini dapat dibuktikan melalui kajian oleh Norhayati dan Mohd Mahzan (2017), yang mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah dengan menggunakan 200 pelajar. Set instrumen soal selidik Grasha-Riechmannn digunakan untuk mengukur keutamaan gaya pembelajaran pelajar. Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Gauri et al. (2016), mengkaji tentang gaya pembelajaran kursus Pengukuran dengan menggunakan pelajar diploma di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Kulim, Kedah dengan menggunakan instrumen soal selidik Grasha-Riechmannn. Sehubungan dengan ini, pengkaji ingin mengkaji gaya pembelajaran pelajar terhadap subjek Bahasa Melayu dengan menggunakan model gaya pembelajaran diperluas.

Tinjauan daripada kajian lepas juga mendapati bahawa kajian-kajian yang mengkaji tentang subjek Bahasa Melayu masih agak kurang dilaksanakan di Malaysia. Ini dapat dilihat melalui beberapa kajian yang dilakukan terhadap subjek Bahasa Melayu, antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Kamiliah Ayu dan Zamri (2015), yang mengkaji tentang strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina di daerah Muar, Johor, mendapati bahawa penggunaan gaya pembelajaran yang sesuai mampu untuk meningkatkan keupayaan pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar-pelajar bukan Melayu. Kajian oleh Rozana (2020), dijalankan untuk mengenal





pasti strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina dan India dengan menggunakan pelajar sekolah menengah di Daerah Hulu Langat, Selangor.

Selain daripada itu, tinjauan kajian-kajian lepas turut mendapati bahawa kajian-kajian yang menggunakan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann untuk mengkaji tentang gaya pembelajaran masih kurang dilaksanakan di Malaysia berbanding luar negara. Terdapat banyak kajian luar negara yang menggunakan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmann dalam kajian mereka. Kajian oleh Vali dan Fatemeh (2016), mengkaji tentang gaya pembelajaran pelajar dengan menggunakan soal selidik gaya belajar Grasha-Reichmann. Kajian oleh Ali Reza et al. (2014), mengkaji gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan antara jurusan Kemanusiaan dan Sains dengan menggunakan soal selidik Grasha-Riechmann. Sehubungan dengan ini, pengkaji ingin mengkaji gaya pembelajaran pelajar di Malaysia dengan menggunakan instrumen gaya pembelajaran Grasha-Riechmann yang diperluas.

Daripada isu permasalahan yang telah dibincangkan, persoalan yang ingin ditimbulkan adalah bagi meninjau dan meneroka gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar Cina dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Melalui perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat banyak kekurangan dalam kajian-kajian lepas yang menjadikan kajian ini relevan untuk mengisi kelompongan maklumat dalam pengetahuan sedia ada. Melalui kesemua perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk mengkaji masalah yang melibatkan kekurangan kajian gaya pembelajaran yang melibatkan pelajar-pelajar peringkat tinggi seperti kolej dan universiti. Begitu juga dengan kajian yang kurang menggunakan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmann untuk mengkaji gaya pembelajaran yang melibatkan





subjek Bahasa Melayu dan kajian yang kurang bertumpu terhadap subjek Bahasa Melayu. Selain daripada itu, kekurangan kajian yang menggunakan menggunakan inventori Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann di Malaysia juga difokuskan oleh penyelidik. Justeru, kajian tentang gaya pembelajaran yang melibatkan pelajar universiti dengan menggunakan inventori Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann dan kajian yang memfokuskan subjek Bahasa Melayu wajar dilaksanakan.

Kajian mengenai gaya pembelajaran boleh dikaitkan dengan beberapa faktor, antaranya ialah faktor perbezaan jantina yang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji. Jantina adalah faktor antara lain yang mempengaruhi pilihan pembelajaran pelajar. Hal ini demikian kerana terdapat perbezaan dalam dapatan kajian-kajian lepas mengenai hubungan antara faktor jantina dengan gaya pembelajaran. Hasil daripada penelitian yang dibuat terhadap kajian-kajian lepas, didapati bahawa pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan adalah tidak seimbang (Rodriguez, 2003 & Epstein et al., 1998). Ini dapat dibuktikan melalui dapatan kajian yang diperoleh oleh Behcet Öznacar et al. (2018), yang mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam gaya pembelajaran mengikut jantina. Kajian oleh Vali dan Fatemeh (2016), juga turut mendapati bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran yang signifikan berdasarkan jantina. Dapatan kajian oleh Mohd Jelas et al., 2001; Rosna et al., 2004; Wang & Holcombe, 2010; Lam et al., 2012), juga mendapati bahawa pelajar perempuan mencapai prestasi akademik yang lebih baik berbanding pelajar lelaki. Hal ini demikian kerana, gaya pembelajaran pelajar perempuan didapati bersesuaian dengan cara pengajaran oleh guru perempuan dan juga cara mereka menyediakan diri sebelum menghadapi peperiksaan (Mohd Jelas et al., 2005 & Lam et al., 2012). Perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat jurang pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan



dalam proses pembelajaran (Nor Hadibah et al., 2020a & Nor Hadibah et al., 2020b).

Kajian lepas turut mendapati bahawa gaya pembelajaran pelajar perempuan sangat berbeza dengan pelajar lelaki.

Penyelidik juga ingin mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan jantina kerana didapati kajian-kajian lepas yang dilakukan sama ada di dalam atau di luar negara menunjukkan dapatan kajian yang tidak konsisten. Terdapat kajian lepas yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan jantina dan terdapat juga kajian lepas yang menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan di antara gaya pembelajaran dengan jantina. Dapatan kajian oleh Behcet et al. (2018), mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran berdasarkan jantina. Hal ini bertentangan dengan dapatan kajian oleh Norhayati dan Mohd Mahzan (2017), yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran berdasarkan jantina. Kesemua kajian-kajian lepas di atas menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji gaya pembelajaran yang menjadi pilihan pelajar lelaki dan pelajar perempuan supaya dapat memadankan gaya pembelajaran yang menjadi kesukaan pelajar berdasarkan jantina. Kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang wujud dalam proses pembelajaran berdasarkan jantina. Ini menunjukkan bahawa terdapat kemungkinan bahawa wujudnya boleh ubah lain yang tidak dapat dihitung yang mungkin dapat mempengaruhi hasil penyelidikan ini. Sehubungan dengan ini, terdapat keperluan untuk menyelidik lebih banyak perkara mengenai faktor jantina dan gaya pembelajaran yang menjadi kesukaan pelajar berdasarkan jantina.

Dapatan kajian yang tidak konsisten ini adalah satu lompong yang menggalakkan pengkaji untuk mengkaji pengaruh jantina dengan gaya pembelajaran. Kajian ini akan meneroka faktor jantina di universiti swasta ini untuk mengenal pasti sama ada pilihan pembelajaran yang serupa berdasarkan jantina akan ditunjukkan dalam konteks pembelajaran pelajar-pelajar Cina yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A. Lantas, ini menjadikan kajian ini relevan untuk mengisi kelompongan maklumat dalam pengetahuan sedia ada. Melalui kedua-dua perbincangan yang melibatkan faktor jantina seperti di atas, jelas menunjukkan bahawa masih terdapat ruang untuk mengkaji masalah yang melibatkan jurang pencapaian antara pelajar lelaki dan perempuan serta dapatan kajian-kajian lepas yang tidak konsisten. Justeru, kajian tentang gaya pembelajaran berdasarkan jantina wajar dilaksanakan untuk mengkaji sama faktor jantina mempunyai hubungan dengan gaya pembelajaran atau sebaliknya.



05-4506832

Kajian ini diharapkan akan dapat membantu pelajar-pelajar Cina yang belajar kursus Bahasa Melayu di universiti swasta ini untuk mengenali gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka. Gaya pembelajaran yang didapati sesuai dan selalu diamalkan oleh jantina tertentu boleh diajar kepada kumpulan pelajar daripada jantina tersebut. Berdasarkan kepada kaedah ini, pembelajaran bahasa akan menjadi mudah dan juga dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Kamarul Shukri et al., 2008).

Pengkaji juga ingin mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran dengan program pengajian kerana didapati kebanyakan kajian lepas menunjukkan dapatan kajian yang konsisten iaitu tidak wujud perbezaan yang signifikan antara gaya pembelajaran dengan program pengajian. Dapatan kajian oleh Nurahimah et al. (2012), mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemahiran belajar berdasarkan kesemua lima jenis pengkhususan. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh



Zubaidah Begam (2007), yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan pengkhususan pengajian. Dapatkan kajian yang konsisten ini adalah satu lompong yang menggalakkan pengkaji untuk mengkaji hubungan antara program pengajian dengan gaya pembelajaran. Lantas, ini menjadikan kajian ini relevan untuk mengisi kelompongan maklumat dalam pengetahuan sedia ada. Justeru, masih terdapat ruang untuk mengkaji masalah yang melibatkan dapatan kajian yang konsisten ini dengan mengkaji sama ada program pengajian mempunyai hubungan dengan gaya pembelajaran atau sebaliknya. Kajian ini diharapkan akan dapat memberi sumbangan dalam mengenal pasti hubungan gaya pembelajaran dengan program pengajian.

Selain daripada itu, pengkaji juga ingin mengkaji hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian GPA pelajar kerana faktor ini juga mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji. Hal ini demikian kerana, terdapat perbezaan dalam dapatan kajian-kajian lepas mengenai hubungan antara GPA dengan gaya pembelajaran. Oleh itu, pengkaji juga ingin mengenal pasti perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan GPA. Kajian-kajian lepas menunjukkan dapatan kajian yang tidak konsisten. Dapatkan kajian oleh Siti Wahieda dan Fitri Shahwaliah (2016), mendapati bahawa terdapat perbezaan gaya pembelajaran antara gred pencapaian. Manakala dapatan kajian oleh Che Ghani et al. (2016), mendapati bahawa gaya pembelajaran bukan faktor utama penentu kepada pencapaian akademik atau GPA pelajar. Lantas ini menjadikan kajian ini relevan untuk mengisi kelompongan maklumat dalam pengetahuan sedia ada. Justeru, masih terdapat ruang untuk mengkaji masalah yang melibatkan dapatan kajian yang tidak konsisten ini dengan mengkaji sama ada GPA mempunyai hubungan dengan





gaya pembelajaran pelajar atau sebaliknya. Kajian ini diharapkan akan dapat memberi sumbangan dalam mengenal pasti hubungan gaya pembelajaran berdasarkan GPA.

Sampel kajian yang dipilih merupakan pelajar-pelajar berbangsa Cina yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A di cawangan Perak dan Kuala Lumpur di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Sampel kajian merupakan pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang sudah mempunyai pengetahuan asas dalam Bahasa Melayu sejak daripada sekolah rendah dan sekolah menengah. Kursus Bahasa Kebangsaan A ini merupakan kursus yang dilaksanakan secara penaksiran berterusan (*100% course-work*). Kursus ini mempunyai tiga jenis penilaian iaitu ujian tatabahasa, ujian penulisan rencana dan ucapan individu. Kurikulum kursus Bahasa Kebangsaan A bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar untuk menggunakan tatabahasa Melayu dengan betul. Kursus ini juga memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengarang pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul dan untuk memberi kemahiran kepada pelajar untuk menggunakan Bahasa Melayu lisan dengan baik dari aspek kosa kata, sebutan, tatabahasa, intonasi, ungkapan dan laras bahasa dengan betul.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar untuk subjek Bahasa Melayu yang melibatkan pelajar-pelajar bukan Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Juwairiah et al. (2021), mengkaji strategi pengajaran dan pembelajaran berdasarkan gaya pembelajaran Model Kolb (1984). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan reflektif ialah sebanyak 11.11%, abstrak ialah sebanyak 11.11%, 33.33% dan 66.67%, efektif ialah sebanyak 11.11%, pengalaman





ialah sebanyak 11.11%, 22.22% dan 77.78%. Hasil kajian menunjukkan bahawa keempat-empat strategi ini boleh membantu penguasaan bahasa Melayu pelajar antarabangsa atau penutur asing untuk terus mempelajari subjek Bahasa Melayu.

Kajian oleh Roshidah (2017), mengkaji tentang gaya pembelajaran Bahasa Melayu yang melibatkan pelajar yang bukan penutur asli bahasa Melayu. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar Perancis suka mengamalkan gaya pembelajaran reflektif, global, visual dan *field-dependent*. Pelajar juga cenderung dalam menggunakan strategi afektif, sosial, ingatan dan metakognitif dalam pembelajaran bahasa. Kajian oleh Noor Zuhidayah dan Siti Saniah (2016), mengkaji tentang hubungan antara strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan motivasi pelajar yang mempelajari Bahasa Melayu di Jerman. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang ketara antara penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dengan motivasi pelajar.

Terdapat banyak kajian-kajian lepas yang membuktikan bahawa gaya pembelajaran mampu menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar, antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Norhayati dan Mohd Mahzan (2017), yang mengkaji tentang hubungan antara gaya pembelajaran dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar untuk menggunakan gaya pembelajaran berada pada tahap yang tinggi kecuali gaya pembelajaran penghindaran. Kajian oleh Elban (2018), mengkaji tentang hubungan antara gaya pembelajaran dan kejayaan akademik guru Sejarah menunjukkan bahawa gaya pembelajaran guru Sejarah yang dominan ialah bergantung, bebas, penyertaan, bekerjasama, penghindaran dan bersaing. Hasil kajian juga mendapati bahawa gaya pembelajaran guru Sejarah adalah






ramalan untuk kejayaan akademik mereka yang menyumbang sebanyak 28% kejayaan akademik guru Sejarah.

Model gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn (1996), telah dibentuk pada tahun 1974 bagi menentukan gaya pembelajaran pelajar kolej di dalam kelas. Model pendekatan kognitif ini digunakan untuk mengenal pasti interaksi pelajar dengan pen-syarah dan pelajar lain dalam proses pembelajaran mereka. Kajian ini menggunakan model gaya pembelajaran pelajar yang dibangunkan berdasarkan gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn (1996), diperluas yang melibatkan lapan elemen gaya pembelajaran iaitu, gaya pembelajaran berdikari (*independant*), penghindaran (*avoidant*), bekerjasama (*collaborative*), bergantung (*dependant*), persaingan (*competitive*), penyertaan (*participant*), pengalaman (*experience*), dan pemerhatian (*observation*). Dua elemen gaya pembelajaran baharu, iaitu pengalaman dan pemerhatian dibentuk daripada elemen-elemen gaya pembelajaran yang dominan dan sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar peringkat tinggi. Penambahan dua elemen gaya pembelajaran baharu dalam kajian ini bertujuan sebagai penambahbaikan kepada enam elemen sedia ada kerana elemen pengalaman dan pemerhatian didapati boleh memberi kesan kepada gaya pembelajaran pelajar dan dilihat mampu memberi impak kepada kajian serta mempunyai perkaitan yang sangat jelas dengan gaya pembelajaran masa kini. Oleh itu, dalam usaha untuk mencari pembaharuan dan sumbangan dalam ..kajian, pengkaji menggunakan elemen pengalaman dan pemerhatian sebagai dua elemen baharu dalam kajian ini sebagai elemen ketujuh dan kelapan sebagai penambahbaikan kepada enam elemen sedia ada dalam gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn (1996) diperluas.



Elemen gaya pembelajaran pengalaman dan pemerhatian diadaptasi daripada model gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford, (1986), seperti dinyatakan dalam Rajah 1.



Rajah 1.1. Lapan Gaya Pembelajaran yang Diperluas

Rajah 1.1 di atas menunjukkan gaya pembelajaran pelajar yang dibangunkan berdasarkan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), diperluas yang melibatkan lapan elemen berdasarkan elemen-elemen gaya pembelajaran yang dominan dan sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar peringkat tinggi iaitu gaya pembelajaran pelajar-pelajar universiti.

Secara terperincinya, elemen-elemen dalam gaya pembelajaran diperluas ditunjukkan dalam jadual 1.1 seperti di bawah:



Jadual 1.1

Elemen-elemen gaya pembelajaran diperluas yang dibangunkan berdasarkan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), Kolb (1984), dan Honey dan Mumford, (1986)

Elemen Gaya Pembelajaran	Penerangan
Gaya pembelajaran berdikari (<i>independant</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang suka berfikir sendiri dan yakin dengan kebolehan belajar mereka. Pelajar yang suka mempelajari isi kandungan yang mereka rasa penting dan suka untuk bekerja secara bersendirian.
Gaya pembelajaran penghindaran (<i>avoidant</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang tidak bersemangat untuk mempelajari isi kandungan sesuatu pelajaran dan tidak suka datang ke kelas. Pelajar yang tidak suka mengambil bahagian dalam aktiviti kelas bersama-sama dengan pelajar dan guru.
Gaya pembelajaran bekerjasama (<i>collaborative</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang suka berkongsi idea dan bakat. Pelajar yang suka bekerjasama dalam kumpulan.
Gaya pembelajaran bergantung (<i>dependant</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang hanya belajar apa yang perlu sahaja. Pelajar yang bergantung kepada guru dan rakan-rakan sebagai sumber sokongan.
Gaya pembelajaran persaingan (<i>competitive</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang suka menunjukkan prestasi yang lebih baik daripada pelajar-pelajar lain. Pelajar yang suka bersaing dengan pelajar-pelajar lain bagi mendapatkan sesuatu ganjaran dan suka menerima pengiktirafan untuk pencapaian akademiknya.
Gaya pembelajaran penyertaan (<i>participant</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang suka mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti dalam kelas. Pelajar yang sanggup membuat kerja lebih daripada yang diperlukan.
Gaya pembelajaran pengalaman (<i>experience</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar terlibat dengan pengalaman baharu dalam proses pembelajaran bahasa. Pelajar yang bersikap terbuka dan menerima perubahan baharu. Pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam sesuatu aktiviti. Pelajar yang lebih mengutamakan latihan-latihan dan tugas bahasa yang disediakan serta mampu menjawabnya.
Gaya pembelajaran pemerhatian (<i>observation</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Pelajar yang memerhati, mendengar, dan menyedari perubahan. Pelajar perlu bersifat “tunggu dan lihat” sebelum melaksanakan sesuatu latihan atau tugas. Pelajar yang mencuba untuk mencari jalan penyelesaian untuk sesuatu masalah dalam pembelajaran.



Elemen Gaya Pembelajaran	Penerangan
	<ul style="list-style-type: none">• Pelajar yang menggunakan pengetahuan sedia ada dan memprosesnya dengan cara membuat percubaan dan latihan.

Jadual 1.1 di atas menunjukkan elemen-elemen gaya pembelajaran diperluas yang dibangunkan berdasarkan model gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn (1996), Kolb (1984), dan Honey dan Mumford, (1986).

Pensyarah perlu memainkan peranan dalam mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar yang sesuai dengan kemampuan pelajar-pelajarnya dalam merealisasikan usaha menjadikan pembelajaran bahasa kedua ini menarik dan berkesan. Sehubungan dengan ini, konteks pembelajaran yang melibatkan bahasa kedua bagi pelajar-pelajar bukan natif bahasa Melayu, adalah penting untuk mereka mengenali gaya pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan diri masing-masing supaya dapat membantu mereka untuk belajar kursus Bahasa Melayu dengan lebih baik dan berkesan. Ini selaras dengan pandangan yang diberikan oleh Zamri et al. (2016), yang berpendapat bahawa bagi membantu memantapkan lagi keberkesanannya sesuatu pembelajaran penting bagi pelajar untuk mengenal pasti gaya pembelajaran mereka.

Berdasarkan kajian ini juga, penyelidik berharap bahawa dengan memahami gaya pembelajaran pelajar, tenaga pengajar dapat mencari kaedah pengajaran yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik dalam subjek Bahasa Melayu. Kajian ini juga berusaha untuk mengisi jurang dari segi penyelidikan yang melihat secara dekat sumbangannya boleh ubah utama kajian ini terhadap gaya pembelajaran pelajar dalam kursus Bahasa Kebangsaan A.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif tertentu. Objektif-objektif tersebut ialah:

1. Mengenal pasti tahap gaya pembelajaran pelajar berdasarkan lapan elemen gaya pembelajaran pelajar yang diperluas.
2. Mengenal pasti gaya pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan berdasarkan gaya pembelajaran pelajar diperluas.
3. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan berdasarkan jantina pelajar.
4. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dari segi gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan dengan program pengajian.
5. Mengkaji sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan dengan GPA pelajar.
6. Mengkaji elemen gaya pembelajaran yang paling mempengaruhi GPA pelajar berdasarkan gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan.

1.4.1 Soalan Temu bual untuk Objektif Kajian 2

- i. Adakah anda suka menyiapkan tugas Bahasa Kebangsaan secara bersendirian?
- ii. Adakah anda lebih selesa belajar Bahasa Kebangsaan secara bersendirian?
- iii. Adakah anda sering berkhayal semasa berada di dalam kelas Bahasa Kebangsaan?
- iv. Adakah anda belajar subjek Bahasa Kebangsaan untuk lulus sahaja?





- v. Anda anda berasa seronok untuk bekerjasama dan berbincang dengan rakan-rakan sekelas semasa melakukan aktiviti Bahasa Kebangsaan?
 - vi. Adakah anda suka bekerjasama dalam kumpulan kecil semasa belajar Bahasa Kebangsaan?
 - vii. Adakah anda hanya suka membuat tugas yang diarahkan oleh pensyarah sahaja bagi subjek Bahasa Kebangsaan?
 - viii. Adakah anda suka jika pensyarah menyatakan dengan jelas tindakan yang perlu dilakukan oleh pelajar untuk menyelesaikan tugas Bahasa Kebangsaan?
 - ix. Adakah anda suka jika dapat menjawab soalan berkaitan Bahasa Kebangsaan lebih awal berbanding rakan-rakan yang lain?
 - x. Adakah anda suka bersaing dengan rakan-rakan di dalam kelas untuk mendapat markah yang tinggi?
- xi. Adakah anda suka menyertai aktiviti-aktiviti yang disediakan dalam kelas Bahasa Kebangsaan?
- xii. Adakah anda suka menyiapkan semua tugas Bahasa Kebangsaan sama ada tugas wajib maupun tugas tambahan?
 - xiii. Adakah anda suka mencari pengalaman baharu sewaktu belajar Bahasa Kebangsaan?
 - xiv. Adakah anda mudah menerima perubahan baharu sewaktu belajar Bahasa Kebangsaan?
 - xv. Adakah anda suka memberi perhatian sewaktu belajar Bahasa Kebangsaan di dalam kelas?
 - xvi. Adakah anda suka mendengar dan memerhati terlebih dahulu sebelum membuat latihan atau tugas Bahasa Kebangsaan?





1.5 Persoalan kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dibina, persoalan-persoalan yang akan dijawab dalam kajian ini ialah:

1. Apakah tahap gaya pembelajaran pelajar berdasarkan lapan elemen gaya pembelajaran pelajar yang diperluas?
2. Apakah gaya pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan berdasarkan gaya pembelajaran pelajar diperluas?
3. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan berdasarkan jantina?
4. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan berdasarkan program pengajian?
5. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan berdasarkan GPA?
6. Apakah elemen gaya pembelajaran yang paling mempengaruhi GPA pelajar berdasarkan gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan persoalan kajian (iii), (iv), (v) dan (vii) hipotesis kajian dibentuk bagi menjawab persoalan tersebut. Hipotesis kajian adalah seperti berikut:

- 1) H_0 = Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan berdasarkan jantina.






- 2) Ho2 = Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan berdasarkan program pengajian.
- 3) Ho3 = Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara gaya pembelajaran pelajar diperluas secara keseluruhan berdasarkan GPA.
- 4) Ho4 = Tidak terdapat pengaruh elemen gaya pembelajaran pelajar diperluas terhadap GPA pelajar.

1.7 Kerangka Teori

Teori yang digunakan dalam kajian ini dibangunkan berdasarkan gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), gaya pembelajaran Honey dan Mumford, (1986), gaya pembelajaran Dunn dan Dunn, (1980) dan gaya pembelajaran Canfield, (1977). Kesemua teori yang dinyatakan di atas digabungkan untuk membentuk gaya pembelajaran diperluas yang digunakan sebagai model gaya pembelajaran dalam kajian ini. Dalam usaha untuk memudahkan proses pelaksanaan kajian ini, pengkaji telah menterjemahkan kerangka teori kajian dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.2 seperti yang ditunjukkan di bawah.





Rajah 1.2. Kerangka teori model gaya pembelajaran diperluas yang dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), gaya pembelajaran Honey dan Mumford, (1986), gaya pembelajaran Dunn dan Dunn, (1980) dan gaya pembelajaran Canfield, (1977).

Rajah 1.2 di atas menunjukkan gaya pembelajaran diperluas yang dibangunkan berdasarkan lima teori gaya pembelajaran iaitu gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), gaya pembelajaran Honey dan Mumford, (1986), gaya pembelajaran Dunn dan Dunn, (1980) dan gaya pembelajaran Canfield, (1977). Melalui analisis dan sintesis yang dilakukan terhadap setiap satu model gaya pembelajaran di atas, penyelidik menggunakan elemen pengalaman dan pemerhatian yang diadaptasi daripada model gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986), sebagai dua elemen baharu dalam kajian ini. Tujuan pengkaji memilih dua model gaya pembelajaran sahaja kerana elemen pengalaman dan



pemerhatian hanya terdapat dalam gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986), tetapi tidak terdapat dalam gaya pembelajaran Dunn dan Dunn, (1980) dan gaya pembelajaran Canfield, (1977). Pengkaji mendapati bahawa elemen pengalaman dan pemerhatian sememangnya wujud dalam amalan gaya pembelajaran pelajar-pelajar Cina yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A di universiti swasta ini dan amat sesuai dijadikan sebagai dua elemen penambahan dalam kajian ini. Selain daripada itu, dua elemen baharu ini dibentuk daripada elemen-elemen gaya pembelajaran yang dominan dan dipilih kerana sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar peringkat tinggi seperti universiti dan kolej. Oleh sebab itu, pengkaji hanya memilih dua model gaya pembelajaran sahaja iaitu Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986). Sekiranya pengkaji hanya menggunakan gaya pembelajaran Grasha-Riechmannn (1996), tanpa penambahan dua elemen baharu ini, pengkaji tidak mungkin

dapat mengetahui tentang kepentingan dua elemen ini dalam gaya pembelajaran pelajar.

Penambahan dua elemen gaya pembelajaran baharu dalam kajian ini bertujuan sebagai penambahbaikan kepada enam elemen sedia ada kerana elemen pengalaman dan pemerhatian didapati boleh memberi kesan kepada gaya pembelajaran pelajar dan dilihat mampu memberi impak kepada kajian serta mempunyai perkaitan yang sangat jelas dengan gaya pembelajaran masa kini. Oleh itu, dalam usaha untuk mencari pembaharuan dan sumbangan dalam kajian, pengkaji menggunakan elemen pengalaman dan pemerhatian sebagai dua elemen baharu dalam kajian ini sebagai elemen ketujuh dan kelapan sebagai penambahbaikan kepada enam elemen sedia ada dalam gaya pembelajaran diperluas.






1.8 Kerangka Konseptual

Penyelidikan ini dilakukan bagi mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar bagi subjek Bahasa Kebangsaan A dalam kalangan pelajar Cina. Gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986), yang mendasari penyelidikan ini. Asas utama yang mendasari pembinaan kerangka konsep ini adalah bersandarkan kepada enam elemen gaya pembelajaran daripada model Grasha-Riechmann (1996), manakala dua elemen baharu yang dimasukkan dalam kajian ini diterap daripada gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986). Kesemua lapan elemen gaya pembelajaran ini dijadikan boleh ubah tidak bersandar melibatkan gaya pembelajaran diperluas dalam kajian ini.





Rajah 1.3. Kerangka konseptual kajian gaya pembelajaran pelajar yang dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran Grasha-Riechmann (1996), gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986), yang membentuk gaya pembelajaran diperluas.

Rajah 1.3 di atas menunjukkan kerangka konsep kajian yang telah dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran diperluas. Terdapat lapan elemen gaya pembelajaran pelajar diperluas yang dikenal pasti iaitu gaya pembelajaran berdikari, penghindaran, bekerjasama, bergantung, persaingan penyertaan, pengalaman dan pemerhatian. Berdasarkan kerangka konsep kajian yang ditunjukkan, pengkaji mengkaji tahap gaya pembelajaran pelajar, gaya pembelajaran pelajar yang paling dominan dalam kalangan pelajar lelaki dan perempuan, perbezaan min berdasarkan jantina, program pengajian dan GPA dan elemen gaya pembelajaran yang paling mempengaruhi GPA pelajar. Pem-



boleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini ialah lapan elemen gaya pembelajaran pelajar diperluas dan pemboleh ubah bersandar ialah jantina, program dan GPA. Secara khususnya, kerangka konseptual kajian ini memberi petunjuk mengenai perancangan kajian ini dilaksanakan selaras dengan objektif kajian yang dikaji.

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat penggunaan beberapa definisi yang perlu diberi penerangan untuk memastikan ketepatan maksud yang digunakan. Berikut adalah beberapa definisi operational yang digunakan dalam kajian ini:



1.9.1 Dominan

Dominan merujuk kepada yang paling berpengaruh, paling menonjol dan yang paling disukai ramai.

1.9.2 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik merujuk kepada keputusan akademik yang diperoleh oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan. Sekiranya seseorang pelajar itu mencapai keputusan akademik yang baik bermaksud pelajar tersebut telah berjaya dalam bidang akademik. Dalam kajian ini, pencapaian akademik dinilai berdasarkan gaya pembelajaran





pelajar yang menggunakan lapan jenis gaya pembelajaran iaitu gaya pembelajaran berdikari, penghindaran, bekerjasama bergantung, persaingan, penyertaan, pengalaman dan pemerhatian.

1.9.3 Gaya Pembelajaran

Gaya bermaksud kesukaan, sikap, dan juga cara berkelakuan yang menjadi ciri-ciri dalam diri seseorang individu. Gaya pembelajaran bermaksud kebolehan seseorang pelajar dalam kaedah memproses dan menerima sesuatu maklumat. Dalam kajian ini gaya pembelajaran bermaksud cara pembelajaran yang disukai dan diamalkan oleh seseorang pelajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan. Gaya pembelajaran juga boleh didefinisikan sebagai cara atau kaedah dalam mengumpul, memproses dan mengingat kembali ilmu yang diperoleh.

1.9.4 Kecenderungan

Kecenderungan ialah kasih terhadap sesuatu perkara, minat, keinginan, kesukaan atau menunjukkan kegemaran terhadap sesuatu perkara. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar.



1.9.5 Pelajar

Pelajar merujuk kepada orang yang belajar seperti pelajar sekolah atau pelajar di peringkat tinggi seperti kolej dan universiti. Pelajar merupakan individu yang sedang memimba ilmu pengetahuan. Justeru, dalam kajian ini pelajar merujuk kepada pelajar-pelajar berbangsa Cina yang sedang mengikuti subjek Bahasa Kebangsaan A di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

1.9.6 Gaya Pembelajaran Dominan

Dominan merujuk kepada yang paling menonjol, paling berpengaruh, dan yang paling disukai ramai. Oleh itu, dalam kajian ini dominan merujuk kepada jenis gaya pembelajaran yang digemari dan sering diamalkan oleh pelajar dalam pembelajaran Bahasa Kebangsaan A di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman.

1.9.7 Bahasa

Bahasa merujuk kepada keupayaan semula jadi seseorang manusia yang merupakan satu sistem lambang bunyi bersuara arbitrari yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial dan digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi. Bahasa adalah alat perhubungan yang penting dalam kehidupan sehari-hari manusia.

1.9.8 Bahasa Kedua

Bahasa kedua merujuk kepada bahasa selain daripada bahasa ibunda yang dipelajari sama ada secara formal ataupun tidak formal. Bahasa kedua juga merupakan satu alat yang dapat diperaktikkan dan digunakan untuk mencapai pelbagai tujuan.

1.10 Batasan Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, gaya pembelajaran pelajar yang dikenal pasti adalah model gaya pembelajaran pelajar yang dibangunkan berdasarkan gaya pembelajaran diperluas. Gaya pembelajaran diperluas melibatkan lapan elemen iaitu gaya pembelajaran berdikari (*independant*), penghindaran (*avoidant*), bekerjasama (*collaborative*), bergantung (*dependant*), persaingan (*competitive*), penyertaan (*participant*), pengalaman (*experience*), dan pemerhatian (*observation*). Dua elemen gaya pembelajaran pelajar baharu iaitu pengalaman (*experience*) dan pemerhatian (*observation*) diadaptasi daripada model gaya pembelajaran Kolb (1984), dan Honey dan Mumford (1986).

Gaya pembelajaran diperluas ini digunakan untuk menilai tahap gaya pembelajaran pelajar, gaya pembelajaran yang dominan berdasarkan jantina, perbezaan min melibatkan jantina, GPA dan program pengajian serta mengkaji elemen gaya pembelajaran yang paling mempengaruhi GPA pelajar yang melibatkan kursus Bahasa Kebangsaan A sahaja. Sampel untuk kajian ini merupakan pelajar-pelajar berbangsa Cina yang merupakan pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang mengikuti kursus



Bahasa Kebangsaan A di sebuah universiti swasta di Malaysia yang melibatkan dua buah cawangan sahaja iaitu cawangan Perak dan Kuala Lumpur sahaja. Pelajar-pelajar ini sudah mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa Melayu tetapi tidak mempunyai kredit Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.

1.11 Kepentingan Kajian

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat menyumbang kepada percambahan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pedagogi yang boleh dijadikan panduan oleh warga pendidik dalam penyampaian kandungan isi pelajaran secara holistik dalam kalangan pelajar melalui pengaplikasian gaya pembelajaran dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu.



Penerokaan terhadap gaya pembelajaran adalah suatu pengembangan ilmu pengetahuan yang berpaksikan kepada keperluan dan kecenderungan seseorang pelajar terhadap stimulus semula jadi yang mampu menarik minat dan meningkatkan motivasi seseorang pelajar dalam mempelajari sesuatu subjek terutamanya yang melibatkan bahasa kedua. Melalui penggunaan kaedah pembelajaran yang betul, kajian ini berpotensi untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai suatu subjek yang diminati dalam kalangan pelajar-pelajar Cina di universiti swasta selaras dengan perubahan dan keperluan pelajar mengikut peredaran zaman.





1.11.1 Pelajar

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar untuk mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri masing-masing dan mengaplikasikan gaya pembelajaran tersebut dalam proses pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu pelajar dalam memilih dan menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka supaya dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dalam akademik. Sehubungan dengan itu, pelajar juga dapat mengenal pasti masalah pembelajaran dalam subjek Bahasa Melayu dan dapat membantu mereka dalam memberi fokus terhadap proses pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.



Dalam konteks kepentingan kepada pensyarah pula, kajian ini memberikan satu strategi dan panduan kepada pensyarah supaya menguasai pedagogi dengan menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan kecenderungan seseorang pelajar. Hal ini akan dapat membantu pensyarah dalam menerapkan suasana pengajaran yang kondusif dan menjurus kepada pencapaian akademik yang lebih baik dalam kalangan pelajar. Pendekatan gaya pembelajaran ini mampu menjadikan sesi PdP bagi mata pelajaran Bahasa Kebangsaan A menjadi lebih interaktif berdasarkan kepada kecenderungan gaya pembelajaran pelajar.



Pensyarah juga boleh mengenal pasti gaya pembelajaran yang sesuai dengan pelajar-pelajarnya dan mengaplikasikan gaya pengajaran tersebut di dalam kelas. Pen-erapan gaya pembelajaran dalam sesebuah pengajaran dapat memberikan banyak manfaat dalam pembelajaran dengan mewujudkan sesi pembelajaran yang menyer- onokkan (Taljaard, 2016) dan dapat mewujudkan sesi pembelajaran yang lebih ber- makna (Jayanthi & Munir, 2016).

1.11.3 Organisasi

Kajian ini diharapkan dapat memberi satu panduan kepada organisasi tentang keberkesanahan dan kepentingan pengamalan gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar bagi kursus Bahasa Kebangsaan A. Pengkaji juga berharap agar organisasi dapat merangka kursus-kursus gaya pembelajaran yang sesuai dalam kalangan tenaga pengajar supaya dapat menguasai teknik dan kaedah pengajaran yang sesuai dalam proses pengajaran Bahasa Melayu terhadap pelajar-pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu.

1.12 Rumusan

Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa gaya pembelajaran merupakan cara seseorang pelajar memperoleh sesuatu maklumat dan memproses maklumat tersebut. Gaya pembelajaran juga dilihat sebagai penanda aras untuk membantu meningkatkan



kualiti pembelajaran seseorang pelajar. Gaya pembelajaran adalah faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik (Özcan, 2015).

Gaya pembelajaran merupakan kaedah yang diamalkan oleh pelajar untuk memahami sesuatu pelajaran yang sedang dipelajarinya. Seseorang pelajar bebas memilih gaya pembelajaran yang disukainya berdasarkan kemampuan diri sendiri. Selain daripada itu, gaya pembelajaran yang disukai oleh pelajar perlulah bersetujuan dengan kemampuan diri masing-masing supaya mempunyai tahap pemahaman yang baik serta memperoleh keputusan yang cemerlang dalam pelajarannya.

Sehubungan dengan itu, penting bagi seseorang pensyarah untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dan merencana strategi pengajaran yang sesuai dengan kemampuan pelajar-pelajarnya bagi membantu mereka memahami dan menguasai ilmu pengetahuan yang disampaikan. Melalui penggunaan gaya pembelajaran yang betul dan sesuai dengan diri masing-masing, pelajar-pelajar di Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman akan dapat memanfaatkan gaya pembelajaran yang sesuai untuk dijadikan rujukan dan panduan dalam proses pembelajaran mereka.

Oleh sebab itu, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar dalam kalangan pelajar berbangsa Cina di sebuah universiti swasta di Malaysia yang mengikuti kursus Bahasa Kebangsaan A berdasarkan gaya pembelajaran pelajar yang dibangunkan berdasarkan gaya pembelajaran diperluas yang menggunakan lapan elemen gaya pembelajaran iaitu gaya pembelajaran berdikari, penghindaran, bekerjasama bergantung, persaingan, penyertaan, pengalaman, dan pemerhatian.

